



MUAR

"Syurga" Sejarah dan Warisan Budaya

Teks dan foto: Muhamad Rafiq Abdul Rahman

Teluk Dalam, Padang, Muara, dan *Muna* dan *Ar* – perkataan Hindu yang bermaksud tiga dan sungai – merupakan antara nama lain yang tercatat dalam lipatan sejarah daerah Muar yang terletak di barat laut Johor. Dalam catatan Hikayat Malim Deman, Legenda Lembing Awang Pulang ke Dayang, Legenda Puteri Gunung Ledang dan Kesultananan Melayu Melaka, dicatatkan tentang nama-nama lain bagi Muar yang merupakan sebahagian daripada sejarah Malaysia, bukan semata-mata daerah "orang pencen" yang tiada jasa kepada negara!

Dikatakan juga sejarah Muar telah bermula lebih awal daripada empayar Melaka. Pada tahun 1361, Muar merupakan sebahagian daripada empayar Majapahit. Fakta lain pula menyatakan bahawa Parameswara, pengasas empayar Melaka pernah menubuhkan

penempatan di Pagoh, Ulu Muar setelah melarikan diri dari Temasuk sebelum ke Melaka. Muar pada era Portugis pula dijadikan sebagai kubu Fortaleza de Muar untuk mempertahankan koloni Portugis daripada serangan soldadu Belanda dan Aceh.

Pada hari Jumaat, 12 Ogos 1887, Almarhum Sultan Abu Bakar telah mengisytiharkan Muar sebagai Bandar Maharani bersempena nama isteri baginda, iaitu Maharani Fatimah, yang mengambil berat tentang pembangunan di Muar pada ketika itu. Setelah 125 tahun pengisytiharan tersebut, pada 5 Februari 2012, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj pula mengisytiharkan Muar sebagai Bandar Diraja Johor.

Begitulah rentetan sejarah Muar yang jika dilihat daripada mata kasar, hanyalah sebuah bandar lama, sama seperti bandar



Muar diisytiharkan sebagai Bandar Diraja Johor.

lama lain di Johor ataupun negeri lain. Sebaliknya, daerah ini menyimpan 1001 cerita yang cukup menarik dari segi sejarah dan budayanya. Malah, selepas keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka sebagai pelabuhan terpenting di dunia, Muar mengambil alih peranan sebagai sebuah pelabuhan terpenting untuk mengeksport biji timah oleh kerajaan British.

Nostalgia tidak akan pernah luput dalam ingatan. Begitu juga ingatan penulis terhadap Muar yang sebelum ini sudah berkali-kali menjejakan kaki ke daerah yang sungainya tercatat sebagai sungai terpanjang di Johor ini. Namun begitu, kehadiran penulis kali ini berlainan kerana perlu menyediakan tugas menulis sebuah rencana tentang Muar. Penulisannya bukan semborono tanpa kajian dan penyelidikan lapangan, tetapi paling penting faktanya mestilah tepat dan benar.

Sejarah yang Tiada Tandingan


Mengenali sejarah membuatkan kita lebih menghargai sesuatu perkara, malah terus jatuh cinta apabila mendengar atau membaca tentang sejarah di sesuatu tempat itu. Begitu juga ceritanya tentang Muar. Bandar yang menyimpan banyak khazanah negara ini mula dikenali dunia sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka apabila dikatakan menjadi benteng terakhir Sultan Mahmud Shah menentang soldadu Portugis.

Kubu Bentayan diwujudkan oleh Sultan Melaka, Sultan Mahmud Shah, sebagai kubu pertahanan terakhir empayar Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511 bagi menentang

serangan armada Portugis sebaik sahaja kota Melaka jatuh ke tangan penjajah. Selepas kejatuhan Melaka pada 24 Ogos 1511, baginda berundur ke Batu Hampar dan kemudiannya ke Bertam, sebelum membuat keputusan untuk bertapak di pinggir sungai Muar pada bulan yang sama.

Kubu Bentayan dibina bukan sahaja sebagai kubu pertahanan, malah sebagai pusat operasi strategik angkatan Melaka untuk menyerang balas terhadap armada Portugis yang dipimpin oleh Alfonso D'Albuquerque. Walau bagaimanapun, pertahanan yang lemah serta faktor kelengkapan peralatan perang yang tidak semoden lawannya menyebabkan Sultan Mahmud Syah dan anakandanya Sultan Alaudin Riayat Shah tewas ditangan armada Portugis. Peristiwa tersebut tertulis dalam lipatan sejarah, namun kubu pertahanan yang dibina tidak dapat dipulihara dengan baik kerana hakisan tanah di tebing sungai tersebut menyebabkan hanya tanda ingatan peristiwa yang dijadikan sebagai kenangan.

Bandar yang menyimpan banyak khazanah negara ini mula dikenali dunia sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka apabila dikatakan menjadi benteng terakhir Sultan Mahmud Shah menentang soldadu Portugis.



Jambatan Sultan Ismail yang menghubungkan Bandar Muar dengan Tanjung Agas.



Kubu Bentayan merupakan pertahanan terakhir Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511.

Selain itu, peristiwa 23 Februari 1950 di Bukit Kepong pada zaman kekejaman komunis turut dapat dilihat dan ditemui di Muar. Kejadian yang mengorbankan 25 nyawa yang terdiri daripada 14 anggota polis, lima anggota Auxiliary Police (AP), dua orang isteri anggota polis dan dua orang kanak-kanak serta dua orang kampung cukup meninggalkan kesan yang mendalam di hati pengunjung yang hadir ke Galeri Darurat Bukit Kepong ini. Bayangkan hanya 18 orang anggota polis dan lima anggota polis bantuan menentang 180 orang komunis yang menyerang hendap pada Subuh tarikh tersebut. Sememangnya, bagi penulis, pengunjung wajib hadir ke galeri ini, khususnya anak muda, untuk melihat kembali betapa sukarnya mempertahankan kedaulatan negara.

Yang lebih mengujakan, jika dibacakan tentang Muar, bandar yang mempunyai populasi penduduk berjumlah 330 ribu orang ini merupakan satu-satunya bandar di negara ini yang mempunyai sistem jaringan kereta apinya yang tersendiri yang dikenali sebagai Kereta Api Kerajaan Muar dari tahun 1889 hingga 1925. Walaupun hanya bertahan selama 36 tahun, perkhidmatan ini berjaya melonjakkan nama Muar sebagai bandar yang pesat membangun.

Pengunjung mungkin sukar untuk melihat kesan laluan rel tersebut kerana sudah musnah dan yang tinggal hanyalah Lokomotif MSR yang dipamerkan di Taman Tanjung Emas. Lebih menarik, dikatakan lokomotif tersebut adalah yang tertua di negara ini. Kewibawaan Muar sebagai bandar terpenting pada zaman tersebut dibuktikan lagi melalui penemuan dacing diraja yang dijumpai di dalam kawasan balai polis trafik daerah Muar. Hal ini jelas menunjukkan Muar merupakan sebuah bandar yang cukup pesat membangun sebagai sebuah pelabuhan yang terkenal sekitar tahun 1934.

Irama Ghazal Johor

- Datuk Bentara Luar, Mohd. Salleh Perang merupakan individu yang memperkenalkan ghazal semasa membuka daerah-daerah baru di Johor.
- Peralatan asal ghazal terdiri daripada peti harmonium, biola, gambus, dan tabla atau do (gendang).
- Kemudian ditambah dengan alatan lain seperti Gitar, Kecepi Jepun, Keroncong dan Marakas.
- Harmonium merupakan alat muzik tradisional berasal dari India dan antara peralatan terpenting bagi Ghazal Melayu Johor.
- Gambus merupakan alat muzik tradisional yang berasal dari Timur Tengah.
- Tamborin dan Marakas digunakan untuk mengawal tempo dan rentak.
- Violin antara sebahagian daripada alat muzik yang wajib ada dalam permainan Ghazal Melayu Johor.

Budaya yang Tiada Tolok Bandingnya

Daerah yang mengetengahkan moto "Cekap, Amanah, Dinamik dan Makmur" ini kaya dengan warisan budayanya tersendiri. Majoriti penduduknya merupakan orang Jawa yang datang dari negara serumpun, Indonesia. Oleh hal yang demikian, pengaruh dari sana juga tidak dapat dielakkan daripada bertapak di sini.

Ghazal merupakan seni muzik yang cukup terkenal di Muar. Daerah ini pernah mendapat jolokan sebagai Bandar Ghazal Malaysia kerana keaktifan kumpulan ghazal di Muar mempopularkan alat permainan dan iramanya. Ghazal mempunyai unsur-unsur Parsi yang liriknya lebih menjurus kepada penceritaan ketuhanan dan kasih sayang. Antara kumpulan ghazal yang popular di sini termasuklah Seri Maharani Ghazal Parti yang dipimpin oleh Ahmad Jusoh dan Fadhil Ahmad.



Mural yang memaparkan seni muzik ghazal di Jalan Sisi.

Lagu seperti *Dia Datang* dan *Puteri Ledang* merupakan lagu yang bukan sahaja berjaya menjadi halwa telinga bagi masyarakat untuk mendengarnya, malah menyukainya. Namun begitu, agak malang kerana tiada maklumat atau galeri khas yang diwujudkan oleh pihak bertanggungjawab untuk memastikan masyarakat di sini mahupun dari luar dapat mengenali ghazal dengan lebih dekat.

Selain ghazal, dikatakan seni mempertahankan diri, iaitu Silat Sendeng Malaysia, juga berasal dari Muar yang diasaskan oleh Haji Abd Hamid Haji Hamzah di Sungai Mati, Muar. Silat ini merangkumi tiga aliran utama, iaitu Kuntau Telok Mas, Pukulan Sendeng dan Pukulan Sendeng Tujuh Hari. Bagi mengelakkan seni ini ditelan zaman, pada 13 Julai 2009, Menteri Besar Johor pada masa itu, Datuk Abdul Ghani Othman, telah mengisytiharkan bahawa seni silat ini sebagai silat rasmi negeri Johor.

Walaupun begitu, sekali lagi satu kerugian kepada rakyat di Muar kerana tiada galeri khas atau gelanggang yang dikhususkan untuk para pelancong melihat dan memahami sendiri seni silat ini agar tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas. Keunikan Muar diserlahkan lagi dengan kehebatan dalam tarian Ceracap Inai yang turut diasaskan di daerah ini. Tarian diraja ini popular sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka yang dibawa bersama-sama oleh Sultan Mahmud Syah. Tarian ini seakan-akan



Hidangan asam pedas ikan jenahak yang menyelerakan.


menyembah duli dengan hiasan bunga-bunga emas dan bercahayakan lilin yang membawa maksud membawa sinar kebahagiaan dan kesejahteraan.

Seharusnya warisan ini dikekalkan dan diwarisi dari zaman ke zaman agar keunikan dan kepelbagaian kesenian dan budaya ini kekal dan tidak mati ditelan zaman. Untuk mengekalkannya, semua pihak harus saling bekerjasama agar warisan yang tidak ternilai ini dikenali bukan sahaja anak cucu-cicit yang akan datang tetapi dapat diperkenalkan kepada pelancong luar negara dan sebagai satu daya tarikan kepada mereka untuk datang ke Muar.


Warisan yang Menyelerakan

Sebut sahaja tentang Muar pasti ramai pengunjung yang telah menjejakkan kaki ke daerah yang mendapat pengiktirafan pada tahun 2017 sebagai Bandar Pelancongan Terbersih di Asia Tenggara ini akan tersenyum kegembiraan kerana mengenangkan pelbagai menu makanan yang lazat yang hanya ada di Bandar Diraja ini.

Penulis sendiri cukup teruja apabila diberitahu oleh rakan, Mohd Hizwan, 36 tahun, yang bermastautin di sini sejak 30 tahun



Menikmati masakan asam pedas telur ikan mayong di Medan Selera Tanjung Emas.



Kopi 434 Muar cukup terkenal dalam kalangan penggemar kopi.



Restoran Muar Soup House menghidangkan pelbagai jenis sup yang enak.

yang lalu. Katanya, Muar sememangnya unik dan terkenal dengan menu masakan yang cukup menyelerakan dan ada pula menu yang dihidangkan tidak terdapat di tempat lain kecuali di Muar sahaja.

Oleh sebab perasaan teruja, pagi-pagi lagi penulis telah bersiap-siap dan menunggu di hadapan Hotel River untuk menikmati sendiri "syurga" makanan di Muar. Bermulalah langkah melalui Jalan Majidi, destinasi lokasi tumpuan pada waktu pagi bagi pengunjung luar mahupun penduduk tempatan. Menunya jika ditempat lain dinikmati pada waktu malam, tetapi di sini, menu ini dijadikan sebagai pembuka selera seawal pagi. Menu yang dimaksudkan ialah sate muar.

Bau asap yang berkepul-kepul di udara hasil kibasan si pembuat sate sudah cukup membuka selera pengunjung. Yang menariknya, aneka jenis sate boleh dipilih oleh pengunjung seperti sate ayam, sate daging, sate perut dan sate kambing. Dengan harga yang ditawarkan cukup murah, sebatang RM0.80 sen hingga RM0.90 sen sudah pasti menyelerakan perut dan kantong kewangan kerana harganya yang cukup berpatutan.

Penulis sempat berborak dengan pekerja di Restoran Sate Warisan ini. Menurutnya, sederet dengan kedainya itu turut berniaga ialah pak cik mereka yang membuka Restoran Gubok Ann dan Restoran Haba. Katanya, sate warisan ini merupakan resipi turun-temurun daripada nenek mereka yang kini diteruskan oleh cucu dan pak ciknya. Bagi yang ingin mencuba, bolehlah singgah di Restoran Sate Warisan yang dibuka setiap hari kecuali hari Selasa dari pukul 7.30 pagi hingga 2.30 petang.

Bukan itu saja, ada lagi menu menarik yang anda perlu cuba dan rasa sekiranya sampai di daerah ini. Mi bandung muar sememangnya cukup dikenali di seluruh negara kerana rasanya yang sedap dan berbeza di tempat lain, hinggakan pesempahnya turut dijual untuk dibawa pulang bagi penggemarnya. Lokasi "maut" untuk menikmati mi bandung di sini terlalu banyak. Penulis sempat menikmati mi bandung di Restoran Abu Bakar

Hanipah di Jalan Abdullah yang merupakan lokasi popular dan terbaik bagi menikmati mi bandung.

Selain itu, bagi pengunjung secara berkumpulan pula, mereka lebih gemar menikmati mi bandung di Tanjung Agas, iaitu Restoran Special Mi Bandung Udang Galah, kerana menawarkan menu khas udang galah dengan harga yang cukup berpatutan. Pasti apabila sesuatu tempat itu sudah menjadi popular, akan berlakulah kesesakan seperti tiada tempat duduk dan perlu menunggu giliran. Jangan khuatir kerana di sekitar Jalan Tanjung Agas, banyak lagi kedai yang menyajikan mi bandung muar, seperti Mi Bandung Restoran Baridah, Mi Bandung Hajah Jamilah dan banyak lagi.

Sekiranya anda tidak menggemari mi bandung atau sate, cubalah nikmati satu lagi menu yang hanya terdapat di Muar. Menurut pemilik masakan ini, menu ini merupakan menu turun-temurun sejak Jepun menawan Tanah Melayu pada tahun 1942 dan tumbang di tangan tentera British pada tahun 1946. Menurut Fauzi, 50 tahun, menu ini dipelajari daripada bapa saudaranya yang sebelum itu belajar dan berniaga dengan seorang penjual dari Indonesia.

"Orang Muar memanggilnya apam jepun kerana saiznya yang kecil dan mirip seperti Dorayaki," jelas Fauzi. Katanya lagi, setiap hari sebanyak 15 hingga 20 kilo tepung digunakan untuk menyediakan apam ini kerana permintaan yang tinggi. Waktu operasi perniagaannya bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang di Jalan Sulaiman. Selain meniaga apam jepun, Fauzi turut menjual mi siput yang sesuai untuk dijadikan menu minum petang dinikmati pula dengan segelas kopi buatan muar.

Sekiranya datang ke Muar, tidak lengkap jika tidak mencuba masakan yang terhangat di Muar, iaitu asam pedas. Penulis dibawa ke Medan Selera Tanjung Emas yang terletak kira-kira lima minit dari hotel. Lokasinya cukup strategik kerana sambil menikmati masakan asam pedas yang cukup menyelerakan, kita dapat menikmati pemandangan Dataran Tanjung Emas yang cukup indah.

Di sini, penulis mencuba masakan asam pedas telur ikan mayong dan tenggiri yang sememangnya kena dengan selera penulis. Harganya pula tidaklah terlalu mahal sekitar RM12 hingga RM18 bagi satu hidangan mengikut saiz telur tersebut. Gerai yang dimaksudkan penulis ialah Gerai No.10, Haji Othman bin Koming. Percaya atau tidak, kelazatan yang tidak terkata apabila menikmati asam pedasnya itu pernah dipaparkan dalam rancangan Jalan-Jalan Cari Makan.

Sekiranya pengunjung masih belum puas dengan menu utama yang dinyatakan sebelum ini, penulis mencadangkan kepada pembaca untuk mencuba sup buatan muar terbaik yang terletak di Jalan Sisi. Menu utama yang menjadi buruan pelanggan di sini ialah sup kambing. Setiap hari, lebih daripada 20 kilogram daging kambing dimasak pemilik restoran, Amiruddin Syaik Alaudin. Hal ini tidak termasuk aneka sup lain,



Lorong pejalan kaki dihiasi dengan lukisan mural di Jalan Sisi.

seperti sup tulang, sup daging, sup perut, sup urat dan sup gear box yang sering mendapat tempahan daripada pelanggan.

Mungkin anda berasakan bahawa hanya itu menu yang terdapat di Muar dan tidaklah sehebat yang dicanangkan. Ternyata anda silap! Terdapat satu lagi menu yang menjadi kegemaran penulis sejak zaman kanak-kanak lagi. Jika pulang ke kampung di Johor, penulis akan singgah ke Muar hanya semata-mata untuk membelinya sebelum pulang ke Kuala Lumpur. Menu yang dimaksudkan ialah martabak singapura di Restoran Murtabak JD yang seharusnya dicuba oleh mereka yang mengunjungi bandar Muar. Taburan daging lembu dan ayam di atas dan di dalam martabak tersebut sudah cukup menggiurkan pembelinya. Harganya pula sudah pasti berpatutan.

Jikalau mahu mengubah selera untuk sesuatu yang lain, pergilah ke Parit Jawa untuk merasai sendiri menu belangkas yang mengujakan. Asam pedas belangkas sememangnya dapat membawa anda mengalami suatu pengalaman yang cukup menarik. Jika anda ingin menikmati ikan bakar di Muar, berkunjunglah ke Sabak Awor kerana di sini terdapat banyak gerai yang menyediakan masakan menu ikan bakar dengan tawaran harga yang sangat berpatutan.

Lokasi Utama Pelancongan

Di Muar, banyak lokasi pelancongan yang dapat dikunjungi oleh para pelancong. Di sekitar bandar Muar terdapat lukisan mural yang dibina berdekatan dengan Jalan Maharani, Jalan




Ladang Herba Nasuha yang terletak di Jalan Muar-Pagoh.

Sayang, Jalan Yahya, Jalan Arab, Jalan Sisi dan Jalan Haji Abu. Mural ini dihasilkan oleh pelukis tempatan dan luar negeri yang memaparkan tentang "keluarga" besar di Muar.

Selain itu, pengunjung juga dapat melawati Masjid Jamek Sultan Ibrahim yang dibina pada tahun 1890-an. Masjid yang menggabungkan elemen barat dan timur tengah ini merupakan masjid tertua di Muar. Tidak ketinggalan Ladang Herba Nasuha yang terkenal sebagai ladang herba terbesar di Asia dengan keluasan mencecah 3200 hektar. Yang menariknya, lokasi ini bukan sahaja menawarkan 135 jenis herba yang digunakan di seluruh dunia, malah menyediakan pakej penginapan dan aktiviti luar yang menarik.

Bagi mereka yang membawa anak-anak kecil, eloklah menaiki Muar River Cruise yang beroperasi pada hujung minggu sahaja. Harga tiket pula tidaklah terlalu mahal hanya RM12 untuk dewasa dan RM6 untuk kanak-kanak yang mengambil masa, selama 30 minit menelusuri Sungai Muar. Pengunjung yang mahukan lebih cabaran dan aktiviti lasak, bolehlah berkunjung ke Gunung Ledang yang mempunyai cerita dan sejarah yang tersendiri.

Selain itu, terdapat juga ole-ole paling laris di Muar yang jika tidak membelinya pasti berasa menyesal. Buah tangan yang dimaksudkan ialah Kopi 434 yang kedainya terdapat di Jalan Salleh berhadapan dengan Stesen Bas Bentayan. Dikatakan rasa kopi ini sangat berlainan dengan kopi di tempat lain kerana rasanya lebih sedap dan pahit.

Pengalaman berada di Muar selama tiga hari dua malam sepanjang penugasan ini terasa seperti tidak cukup waktunya. Hal ini kerana terdapat banyak lagi lokasi pelancongan yang tidak sempat dikunjungi penulis. Pada pandangan penulis, tempoh masa yang paling baik untuk menginap di Muar ialah empat hari tiga malam. Penulis yakin bahawa mereka yang mendaratkan kaki ke daerah Muar pasti membawa pulang sejuta kenangan yang tidak akan dapat dilupakan. Bercutilah di dalam negara kerana segala-galanya ada di sini.  Kenan Naiman.